

## **Adakah Soalan Ujian Anda Bagus?**

**Ch'ng Pei Eng, Suzana Ab. Rahim, Rushita Ismail dan Ch'ng Pei Cheng**  
Universiti Teknologi Mara, Pulau Pinang

### **Abstrak**

Persoalan sering timbul di kalangan para pendidik terutamanya dalam aspek pembentukan soalan-soalan ujian. Adakah soalan yang dibentuk merupakan soalan yang baik? Bagaimana kita dapat menilai tahap kesukaran soalan-soalan ujian yang dibentuk? Adakah soalan-soalan tersebut dapat membezakan individu yang mengetahui daripada individu yang tidak mengetahui tentang sesuatu konsep?

Kajian ini merupakan suatu pengaplikasian kaedah kuantitatif untuk menganalisis setiap soalan dari segi tahap kesukarannya dan indeks diskriminasinya. Software ITEMAN digunakan dalam kajian ini. Ini kerana ITEMAN menggunakan kaedah statistik yang termudah untuk membuat penganalisan. Penggunaan ITEMAN ini seharusnya diperluaskan kerana ia merupakan suatu sistem penilaian yang dapat berfungsi sebagai suatu garis panduan semasa proses pembentukan soalan-soalan. Dari segi yang lain pula, sistem ini dapat memberi gambaran secara terperinci tentang taburan skor yang dicapai oleh kumpulan pelajar tahap tinggi dengan taburan skor yang dicapai oleh kumpulan pelajar tahap rendah mengikut soalan.

Kertas ini adalah bertujuan untuk memberikan pendedahan tentang cara penggunaan software ITEMAN dan juga cara membuat tafsiran terhadap output yang diperolehi. Diharapkan dengan pendedahan ini, dapat memanfaatkan para pendidik dalam proses pembentukan soalan-soalan ujian yang lebih berkualiti.

### **Kata-kata Kunci**

Analisis Soalan Ujian, Analisis Ujian Klasik, ITEMAN, Indeks Diskriminasi, Indeks Kesukaran